

From | Control Union Malaysia Sdn Bhd,  
B-3-1, Block B, Prima Avenue Klang,  
Jalan Kota/KS1,  
41000 Klang, Selangor,  
Malaysia

Subject | **JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PERSIJILAN  
RSPO BAGI KL-KEPONG (SABAH) BERHAD – LUNG MANIS POM**

Date | **06-07-2020**

Dear Sir/Madam,

Kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

KL-KEPONG (SABAH) SDN BHD – Lung Manis POM adalah sebuah syarikat perladangan di Malaysia, telah memohon kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan aktiviti pensijilan semula selaras dengan Malaysia National Interpretation (MYNI 2019) daripada RSPO Principle & Criteria 2018 seperti diluluskan oleh RSPO Board of Governors pada 7 November 2019 untuk pengeluaran minyak kelapa sawitnya.

Penilaian persijilan semula dirancang untuk dimulakan pada 16 Julai 2020 dan akan berakhir pada 18 Julai 2020.

<b>Pemohon</b>	<b>KL- Kepong (Sabah) Sdn Bhd</b>
<b>Butiran Kenalan</b>	<b>Mr. Sin Chuan Eng</b> <b>Head of Sustainability</b> KL – KEPONG (SABAH) SDN. BHD., Batu 42, Jalan Tawau-Semporna, Beg Berkunci No. 3, 91009 Tawau, Sabah, Malaysia <a href="mailto:ce.sin@klk.com.my">ce.sin@klk.com.my</a>
<b>No. Keahlian RSPO</b>	<b>8-0025-06-000-00</b> <b>KL – KEPONG (SABAH) SDN BHD</b>
<b>Maklumat pemohon secara ringkas</b>	<p>KL-Kepong Berhad (KLK) adalah antara syarikat perladangan terbesar di Malaysia, dengan keluasan tanah yang hampir 285,000 hektar, di seluruh Malaysia (Semenanjung dan Sabah), Indonesia (Pulau Belitung, Sumatera, Tengah dan Kalimantan Timur) dan Liberia. Dalam segi pengagihan geografi, kira-kira 51% daripada tanah perladangan terletak di Indonesia, 26% di Semenanjung Malaysia, 15% di Sabah dan 8% di Liberia. Kelapa sawit sebagai tanaman utama meliputi 95% daripada kawasan ditanam dan getah meliputi 5%.</p> <p>Pemprosesan tandan sawit segar dilakukan di kilang milik KLK dan KLK juga mengendalikan empat (4) kilang penapis yang memproses minyak sawit mentah ke dalam minyak sawit RBD, RBD olien, RBD stearin, dan PFAD.</p> <p>Lung Manis POM terletak di Lahad Datu, Sabah, Malaysia dan mempunyai lima (5) pangkalan bekalan iaitu Ladang Lungmanis, Ladang Bukit Tabin, Ladang Tungku, Ladang Rimmer dan Ladang Sg. Silabukan</p>

Kilang Sawit untuk penilaian ini						
Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Ramalan Pengeluaran Tahunan (MT)	
(POM)	MT/Jam	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
KLK (S) Lungmanis Palm Oil Mill	50	KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah.	118°35'17.7" E	5°5'2.22"N	38,387.00	10,238.00

Pangkalan Bekalan BTS untuk penilaian ini						
Nama Ladang / sekutu	Lokasi	Rujukan GPS		Huraian Keluasan (Ha)		Ramalan Pengeluaran FFB (MT)
	Alamat	Longitude	Latitude	Total	Matang	
Ldg. Lungmanis	KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah.	118°36'10.0"E	5°04'26.2"N	1,613	1,307	32,994
Ldg. Bukit Tabin	KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah.	118°36'54.31"E	5°3'34.37"N	2,864	2,079	50,425
Ldg. Tungku	KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah.	118°30'48.31"E	5°5'50.49"N	3,398	2,146	47,261
Ldg. Rimmer	KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah.	118°34'12.543"E	5°1'13.962"N	2,654	1,096	26,810
Ldg. Sg. Silabukan	KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah.	118°35'31.39"E	5°0'10.94"N	2,616	2,035	60,048
<b>Total</b>				<b>13,145</b>	<b>8,663</b>	<b>217,538</b>

Maklumat terperinci mengenai pasukan audit:

#### PENTAKSIR UTAMA

##### **MOHD EZANI BIN ABDUL AZIZ**

Beliau memperolehi Sarjana muda dalam bidang Kejuruteraan Biologi dan Pertanian dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2005. Dengan 12 tahun, pengalaman bekerja di ladang dari tahun 2006 hingga 2017 dengan pelbagai syarikat perladangan. Pengalaman bekerja dengan Sime Darby Plantations Sdn. Bhd selama 4 tahun dan KOSMA Plantations Berhad sebagai Penolong Pengurus selama 6 tahun. Beliau berkhidmat selama 2 tahun berkhidmat dengan KOSMA Plantations Berhad sebagai Eksekutif Urusan Kompleks KOSMA menguruskan keseluruhan kompleks KOSMA dari segi kemudahan, utiliti dan sosial. Beliau menghadiri dan berjaya menamatkan kursus pentaksir utama ISO 9000, RSPO P&C dan RSPO SCCS pada tahun 2017. Dia terlibat dalam penilaian RSPO sejak Ogos 2017 sebagai anggota pasukan pentaksir. Beliau terlibat dalam audit yang dilakukan di Malaysia, Indonesia dan Papua New Guinea.

#### PENTAKSIR SOKONGAN

##### **Bede Bin Lidi**

Beliau berkelulusan dengan Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan) dengan pengalaman 10 tahun di dalam industri pertanian hutan dari peringkat pembangunan hingga peringkat penuaian dan pengilangan kayu gergajian dan kayu pulpa. Beliau telah menyertai dan lulus kursus pentaksir utama untuk ISO 14001, Prinsip & Kriteria bagi RSPO, MSPO, Pengurusan Hutan FSC, Rantai Penitipan FSC, Pengurusan Hutan MTCS-PEFC dan Rantaian Penjagaan PEFC.

##### **Abd Hamid Binsin**

Mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam industri perhutanan terutamanya dalam pengurusan sosial perhutanan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR). Pengalaman selama dua tahun sebagai perundingan untuk penilaian impak sosial dan pengurusan sosial / pekerja untuk syarikat berkaitan industri perhutanan dan perladangan (kelapa sawit). Mengikuti dan melengkapkan latihan RSPO pada tahun 2018 dan juga SA8000 pada tahun 2019.

##### **Paramjit Singh Gill**

Memiliki latar belakang profesional dalam Perhutanan, Ikan dan Hidupan Liar dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Alam Sekitar Sains, Ijazah Sarjana Muda perikanan dan hidupan liar, dan Ijazah Sarjana Entomology dari Montana State University, Bozeman. Beliau berjaya menamatkan kursus ISO 9001, ISO 14001, Ketua Juruaudit bagi Pengurusan Hutan (FSC) dan Rantaian, dan mengikuti latihan RSPO Prinsip & Kriteria (Ketua Juruaudit) .

Control Union Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah Syarikat Pemeriksaan dan Persijilan Antarabangsa. CUC menjalankan penilaian dan persijilan di pelbagai bidang pertanian seperti FSC, RSPO Pengeluaran Organic, Sustainable Textile Production, Organic Exchange, Globalgap, HACCP, BRC, GMP dan GTP. CUC adalah ditauliahkan secara rasmi oleh Dutch Council of Accreditation (RVA) dengan Standard Kualiti European EN 45011 untuk pemeriksaan dan persijilan bagi Program Organik CU (mengikut peraturan EU 2092/91) dan Program GLOBALGAP. Jika ada permintaan, salinan sijil pertauliahkan boleh didapati daripada CU.

Perundingan pihak-pihak yang berkepentingan adalah sesuatu yang penting dalam proses sertifikasi di mana semua pihak kepentingan diseru untuk memberitahu pandangan masing-masing dan memberi pandangan sama ada unit sertifikasi mematuhi kepada keperluan standard RSPO 2013.

Kami mengundang semua pihak-pihak yang berkepentingan untuk ikut serta dalam prosedur perundingan dimana anda dapat memberikan sumbangan yang positif atau sebaliknya kepada keputusan pensijilan. Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mail kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu di bawah ini:

- Perlindungan Persekitaran
- Pemuliharaan kepelbagaian Biologi
- Peluang Pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil Bahagian Dalam Membuat Keputusan
- Isu-isu yang lain, baik positif atau negatif yang, anda rasa relevan kepada penilaian
- Isu-isu yang berkaitan dengan ladang-ladang lain yang dimiliki oleh syarikat ini, yang tidak termasuk dalam proses penilaian ini
- Salinan Standard RSPO untuk setiap negara, tersedia di laman [www.rspo.org](http://www.rspo.org). Atau hubungi Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk mendapatkan salinan tersebut

Sila ajukan komen anda kepada:


Pejabat Control Union Malaysia	
Muhammad Hariz, Asst. Program Manager, B-3-1, Prima Klang Avenue, Jalan Kota KS/1, 41100 Klang, Selangor, Malaysia	
E-Mail: <a href="mailto:hariz@controlunion.com">hariz@controlunion.com</a>	
Fax: +603 3377 1800	

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini. Sila sertakan maklumat berikut jika kami perlu untuk menghubungi anda untuk mendapat penjelasan mengenai apa-apa isu-isu yang dibangkitkan:

Nama : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
E-Mel : \_\_\_\_\_  
Nombor Telefon : \_\_\_\_\_  
Ringkasan Isu : \_\_\_\_\_

Kami ucapkan terima kasih atas penyertaan dan maklumbalasnya.

Hormat kami,



---

Muhammad Hariz  
Asst. Program Manager,  
Control Union Malaysia Sdn Bhd